

## **Zaman Pra-Islam di Kedah Berdasarkan Bukti Arkeologi\***

### *Pre-Islamic Era in Kedah Based on Archaeological Remains*

Adnan Jusoh  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
email: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

#### **Abstrak**

Makalah ini membincangkan tentang zaman pra-Islam di negeri Kedah berdasarkan tinggalan arkeologi. Ini kerana selain dari catatan asing dan tulisan dalam beberapa manuskrip Melayu atau kesusasteraan Melayu klasik, tinggalan arkeologi juga dapat membekalkan maklumat berkaitan dengan negeri Kedah. Memandangkan Kedah melalui sejarah yang panjang, maka persoalannya sejauhmana penemuan arkeologi dapat menyokong dan seterusnya membuktikan perkembangan sejarah khususnya berkaitan dengan zaman pra-Islam di negeri Kedah. Sejauhmana tinggalan budaya kebendaan itu dapat menggambarkan asimilasi dan transformasi kebudayaan manusia turut berlaku disebabkan oleh kemunculan pengaruh keagamaan di negeri Kedah. Justeru, objektif kajian ini akan meneliti secara komprehensif tinggalan arkeologi serta mengklasifikasikan maklumat yang diperolehi untuk memantapkan pensejarahan negeri Kedah. Penyelidikan ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan membuat rujukan di arkib dan perpustakaan awam. Hasil kajian mendapati catatan sejarah negeri Kedah melalui sejarah yang panjang iaitu dari zaman prasejarah, zaman Hindu-Buddha hinggalah ke zaman kemunculan Islam. Peninggalan di beberapa tapak arkeologi menunjukkan zaman pra-Islam di negeri Kedah lebih tertumpu kepada tinggalan artifak dan candi yang berkait rapat dengan tempoh animisme (zaman prasejarah) dan pengaruh agama Hindu dan Buddha. Taburan candi di beberapa tapak arkeologi di Lembah Bujang juga menunjukkan berlaku perubahan dalam anutan agama dan kepercayaan masyarakat Kedah sehinggalah kedatangan agama Islam.

**Kata kunci** pra-Islam, manuskrip, artifak, arkeologi, Bindu-Buddha

#### **Abstract**

This paper discusses pre-Islamic period in Kedah based on archaeological remains. It serves as an important source to provide information related to the history of Kedah along with foreign sources and Malay manuscripts as well as Malay literary text. Due to the long history of Kedah, this article argues that the archaeological discoveries help in providing evidence to the history of the pre-Islamic period in Kedah. This paper analyzes to what extent materials culture as well as religious influence illustrate the assimilation and transformation of human culture in Kedah. The objective of this study is to investigate and classify archaeological remains comprehensively to contribute into the development of the historiographical of Kedah. This research based on primary sources at the national archives as well as public libraries. Informations derived from the sources consulted suggest that Kedah has a long history from pre-history, Hindu-Buddhist era up to the emergence of Islam. Remains found in the pre-Islamic archaeological sites mainly came from artifacts and Hindu-Buddhist temples which closely related to animism (pre-Islamic era) and the influence of Hinduism and Buddhism. The location and distribution of temples at the archeological sites of Bujang Valley shows that religions and beliefs of communities in Kedah went through a lot of changes until the emergence of Islam.

**Keywords** pre-Islam, manuscripts, artifacts, archeology, Hindu-Buddha

## **PENDAHULUAN**

Kedah merupakan salah sebuah kerajaan yang tertua di Asia Tenggara. Justeru itu, Kedah mempunyai rentetan sejarah yang panjang dan sememangnya menarik untuk dibongkar. Bermula dengan kewujudan kerajaan Kedah Tua, kronologi sejarah negeri Kedah sentiasa dalam keadaan pasang surut dengan pelbagai peristiwa. Selain daripada rekod atau catatan asing yang banyak menceritakan tentang negeri Kedah, catatan dalam manuskrip Melayu atau kesusasteraan Melayu klasik juga turut menonjolkan

---

\* Geran FRGS-(kod 2013-0195-107-01)- Zaman Pra-Islam di negeri Kedah Berdasarkan Tinggalan Arkeologi

episod sejarah yang tersendiri. Malahan ia juga turut menonjolkan beberapa tokoh yang memainkan peranan utama di dalam sejarah pemerintahan kerajaan Kedah.

Namun demikian, apa yang lebih menarik lagi ialah penemuan sejumlah tinggalan arkeologi berupa artifak dan monumen di beberapa tapak juga membuktikan keistimewaan dan kepentingan Kedah dalam lembaran sejarah tanah air. Ia secara tidak langsung seolah-olah sejarah zaman silam negara ini tidak lengkap tanpa membicarakan sejarah negeri Kedah. Justeru itu, kajian ini cuba meneliti dan menghuraikan zaman par-Islam di negeri Kedah berdasarkan bukti arkeologi.

## LATAR BELAKANG

Sejarah kemunculan dan kewujudan petempatan manusia di negeri Kedah dipercayai semenjak berabad-abad sebelum Masehi lagi. Ini didasarkan penemuan sejumlah alat batu, serpihan tembikar dan rangka manusia di tebing Sungai Muda di Guar Kepah, Gua Baling (Kedah) dan Gua Tengku Lembu (Perlis). Memandangkan kedudukan geografi Kedah yang strategik terletak di kawasan laluan perdagangan antara Timur Tengah, India dengan China menjadikan negeri ini menjadi pusat tumpuan para pedagang dan pengembara antara Asia Timur dan Asia Barat (Zakiah Harun, 1989). Menurut Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Kedah juga menjadi daratan pertama yang ditemui dan disinggahi selepas mengharungi Teluk Benggala (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2011). Kemegahan puncak Gunung Jerai yang kelihatan begitu hebat dari laut menjadi pedoman bagi pengembara dan pedagang yang singgah ke sini. Menurut beliau lagi, hasil daripada kajian arkeologi juga dapat dikesan petempatan secara tersusun di kawasan sekeliling Gunung Jerai termasuk dataran Lembah Sungai Merbok dan Sungai Muda serta kawasan sekitarnya (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2011). Kuala Sungai Merbok ini dianggap sesuai untuk kapal berlabuh serta puncak Gunung Jerai yang kelihatan jelas menjadi daya penarik kepada para pedagang dan pengembara. Manakala Sungai Muda pula merupakan salah satu kawasan yang dikenali sebagai kawasan laluan penarikan perdagangan antara Kedah dengan Siam amnya (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 1999).

Justeru itu adalah tidak mustahil dalam abad pertama lagi dianggarkan bahawa pedagang India dari Coromandel telah tiba di Semenanjung Tanah Melayu ini (Ibrahim Ismail, 1987). Kedatangan mereka turut membawa bersama-sama pengaruh agama dalam kebudayaan Melayu tempatan. Kesan awal perkembangan dan penerimaan pengaruh agama dalam masyarakat setempat di negeri Kedah ini dapat dikesan di Bukit Choras, Sungai Merbok, Sungai Bujang, Kuala Muda, Bukit Meriam dan juga Cheruk Tok Kun, Seberang Perai.

## KEDAH DARI BEBERAPA SUMBER

Kewujudan kerajaan Kedah banyak tercatat di dalam beberapa sumber atau catatan asing sama ada dari Arab, China, India, Barat, Manuskrip Melayu dan inskripsi.

### *Sumber Arab*

Terdapat beberapa pendapat yang menyatakan bahawa nama Kedah berasal daripada perkataan Arab. Misalnya, seorang pelayar Arab bernama Ibnu Khordazbeh yang pernah membuat lawatan ke utara Tanah Melayu pada tahun 846 Masehi mencatatkan di dalam kitabnya yang berjudul *Almasalik Walmamalik* tentang sebuah negeri yang digelar '*Kilah*'. Begitu juga dengan Ibnu Muhalhil pada tahun 941 Masehi yang menyebut tentang sebuah negeri di utara Tanah Melayu yang disebutnya sebagai '*Kalah*'. Ada juga para sarjana menyatakan bahawa *kalah* ini terletak di Takuapa. Namun bagi H.G.Q.Wales pula beliau berpandangan bahawa *kalah* yang disebut oleh orang Arab ada dua iaitu sebelum abad ke-11 Masehi pelabuhan dipanggil *kalah* ialah 'Takuapa' yang terletak di wilayah *Tambralingga* di utara Kataha (Kedah). Akan tetapi pada abad ke-11 Masehi, pelabuhan *Kalah* yang disebut oleh orang Arab adalah Kedah (H.G.Q.Wales 1976). Antara hasil perdagangan terkenal yang dihasilkan di pusat perdagangan di *Kalah* ialah bijih timah.

Akhbar *as-Sin wa'l-Hind* menyatakan *bar* dalam bahasa Arab bermaksud 'kerajaan' atau 'pesisir pantai'. Maksud *Kalah-bar* merupakan sebuah kerajaan yang lokasinya berdekatan dengan pesisir pantai

(Paul Wheatley, 1961). Beliau juga menyatakan *Kalah-bar* merupakan sebuah kerajaan yang berada di bawah penguasaan *al-Zabaj* (Srivijaya) (Paul Wheatley, 1961). Sementara *Sulayman* pula menggambarkan kerajaan *Kalah* merupakan jajahan Srivijaya dan juga pusat perdagangan entreport di mana di sini juga pelayar dan pedagang singgah untuk mendapatkan bekalan air bersih (R.Braddell, 1950).

Begitu juga dengan catatan Abu Dulaf Misa'r yang menyatakan bahawa *Kalah* atau *Kalah-bar* ialah sebuah kerajaan yang besar dengan dikelilingi tembok, taman bunga, kemudahan sumber air, pasar dan rumah dengan jumlah penduduk yang ramai (R.Braddell, 1950). Berdasarkan catatan pedagang Arab, masyarakat *Kalah* memakai pakaian longgar yang dikenali sebagai *futah*. *Futah* bermaksud kain di bahagian pinggang yang dilonggarkan manakala Wheatley pula menganggap *futah* sebagai kain sarung (Paul Wheatley, 1961). Abu Dalaf menambah lagi, masyarakat *Kalah* dikatakan tinggal di dalam kota dan menjalankan pekerjaan sebagai tukang membuat pedang. Masyarakat *Kalah* juga digambarkan memakan haiwan tanpa disembelih, sementara untuk tujuan membersihkan diri, mereka akan mandi di sungai. Makanan utama ketika itu adalah gandum, sayur-sayuran yang dijual dalam kiraan berat dan roti yang dijual di dalam kiraan jumlah. Dari segi pakaian, mereka digambarkan memakai *firand* (sutera yang diimport dari China) yang sangat halus. *Kalah* telah mempunyai sistem sosial yang teratur dari segi keadilan, layanan terhadap pesalah dan juga hal-hal yang berkaitan dengan denda (Paul Wheatley, 1961).

Dalam hal ini juga, penulis Arab dan Parsi pernah menggambarkan kerajaan Srivijaya sebagai kerajaan kembar. Maksud kerajaan kembar itu adalah merujuk sebagai Kedah dan Sribuza. Persoalannya ialah adakah *Kalah* itu *Kataha*, iaitu satu dalam sebutan Arab/Parsi dan satu lagi dalam Sanskrit. Sarjana berbeza pendapat mengenai isu ini, namun kebanyakan daripada mereka bersetuju dengan pendapat bahawa lokasinya ialah di Semenanjung Tanah Melayu. Antara lokasi yang dicadang ialah Kedah, Segenting Kra, jajahan Mergui dan Takuapa. Daripada sumber Arab/ Parsi, *Kalah* mungkin sebuah bandar, sebuah pulau, sebuah kerajaan atau sebuah kawasan. Walau bagaimanapun Nilakanta Sastri meletakkan lokasinya adalah di Kedah.

### **Sumber China**

Berdasarkan catatan I-Tsing iaitu seorang pengembara rahib Buddha berbangsa China telah melaporkan terdapat sebuah tempat yang dikunjunginya bernama '*Chieh-cha*'. Ia adalah merujuk sebuah lokasi yang pernah disinggahi semasa pelayarannya dari Canton ke India untuk belajar di Nalanda tentang agama Buddha pada tahun 671 Masehi. Menurut catatan tersebut,

I-Tsing belayar tanpa halangan selama 20 hari (dari Canton) dan tiba ke 'Fo-Shih' (Srivijaya). Dia singgah di situ dalam perjalanan (ke India) selama enam bulan dan mula mempelajari 'Sabdawidya' (Nahu Sanskrit). Pemerintah (Fo-Shih) menghulurkan bantuan dan mengirimmnya ke (Malayu) yang kini diubah kepada 'Shih-li-fo-shih' (Srivijaya). Sekali lagi I-Tsing singgah dalam perjalanan (di Malayu) selama dua bulan dan kemudian lalu kembali ke kapalnya dan meneruskan pelayarannya ke arah 'Chieh-cha' (Kedah). Tidak sampai bulan kedua belas (6 Januari-4 Februari, 672) layar kapal dinaikkan dan dia kembali ke kapal raja dan kemudian beransur-ansur meneruskan perjalanan ke syurga Timur (India).

(Wolters 1967).

Berdasarkan kenyataan I-Tsing tersebut jelas menunjukkan lokasi tempat yang dimaksudkan adalah negeri Kedah. Lokasi *Chieh-cha* dan juga hubungan tapak ini dengan Srivijaya dan Malayu disebut sekali lagi apabila I-Tsing menulis sebuah lagi episod pelayaran yang dilakukan oleh ahli agama Buddha bernama Wu-hsing pada tahun 685 Masehi, iaitu;

Mengikut angin timur, angin musim timur laut, dia belayar dengan Chinghung dan sampai ke 'Shih-li-fo-shih'...Kemudian mereka menaiki kapal raja dan belayar selama 15 hari ke Melayu 'Chou'. Lagi 15 hari mereka tiba di 'Chieh-cha' – Kedah. Pada akhir musim sejuk mereka kembali ke kapal lalu belayar menuju ke arah barat.

(Wolters 1967)

Berdasarkan catatan ini banyak pendapat yang cenderung meletakkan lokasi *Chieh-cha* ini adalah Lembah Bujang di Kedah. Berdasarkan sumber China pada abad ke-2 sebelum Masehi, kerajaan Kedah Tua telah dikenali sebagai *Keta* yang terletak di barat laut persisiran pantai. Pelayar Cina bernama Hi-Yuen dan

Beh Yuen pernah mencatat *Kietao* (Kedah) ke *Nagapuram* (Jawa) mengambil masa tiga puluh hari perjalanan laut.

### **Sumber India**

Terdapat juga catatan mengenai Kedah dalam tulisan Sanskrit yang menyebut Kedah sebagai *Kataha* atau *Kadara*. Manakala dalam tulisan Tamil pula ia menyebut Kedah sebagai *Kadaram* atau *Kalagam*. Perkataan *Kadaram* ini membawa maksud 'kuali besar' dan *Kalagam* pula bermakna 'warna hitam' (Abdullah Abdul Rahman, 2000). Batu bersurat kerajaan Chola bertarikh 1030 Masehi pula menunjukkan dengan jelas bahawa *Kandaram* itu adalah sama dengan *Kataha* yang terkandung di dalam cerita lama Sanskrit (*Puranas*) terutamanya di dalam drama *Kaumudimahotsava* yang ditulis di antara kurun ke-7 atau ke-8 Masehi (Adi Taha & Othman Yatim, 1981). Di samping itu, Kedah juga disebut di dalam karya *Prakrit* iaitu *Samaraiccakaha* yang dihasilkan di dalam kurun ke-8 Masehi dan juga di dalam karya *Katha* seperti *Kathasaritsagara*. Di dalam karya ini, negeri Kedah dibayangkan sebagai sebuah negara yang makmur dan gemilang yang dikenali sebagai '*the seat of all felicities*' (Adi Taha & Othman Yatim, 1981). Kewujudan Kedah dalam abad awal Masehi dan hubungannya dengan petempatan orang India dapat dibuktikan melalui sebuah puisi Tamil berjudul *Pattinappalai* yang menyebut tentang Kedah dan menggelarnya *Kadaram*. Puisi ini ditulis pada abad ke-2 dan ke-3 Masehi yang memperjelaskan bagaimana pada zaman pemerintahan Chola di India terdapat kontak perdagangan dengan sebuah tempat yang dikenali dengan nama *kalagam*. Sementara itu, dalam *Silappadikaram* pula memperjelas mengenai dengan *Kadaram* yang terkenal dengan penghasilan sutera sebagai sarana eksport (Supian Sabtu, 2006).

### **Sumber Barat**

Selain itu, terdapat juga sumber bertulis dari Barat yang menyentuh tentang kewujudan kerajaan Kedah Tua ini. Misalnya, catatan seorang Kapten Inggeris bernama Sherard Osburn pada tahun 1957 yang menyatakan bahawa Kedah telah dikenali sebagai *Quedah*. Ahli geografi Belanda bernama Hollandar Jansonius mengatakan bahawa *Quedah* ini terletak di tebing muara sebuah sungai dan Van Linschoten's menyebutnya sebagai *Quedaram*. Sementara itu mengikut R.J. Wilkinson, nama Kedah berasal daripada perkataan '*Kheddah*' yang bermaksud 'perangkap gajah' (R.J. Wilkinson, 1937).

Sementara itu Barbosa, iaitu penulis Portugis yang menulis dalam tahun 1516, menyatakan bahawa Kedah adalah pusat dagangan pelbagai jenis barangan. Ia menjadi tumpuan kapal-kapal Arab datang dari merata tempat untuk berdagang. Di Kedah terdapat banyak lada hitam yang dibawa keluar ke China melalui Melaka. Godinho De'Eredia, ahli kartografi Portugis yang menulis di antara tahun 1597-1600 memberi gambaran mengenai pelabuhan di Kedah yang katanya dipenuhi dengan bangunan yang dibuat daripada nibong.

Manakala Roland Braddell pula menyatakan Kedah pernah disebut sebagai *Gedda* (R. Braddell, 1980). Nama ini dikaitkan dengan perkataan Hindustan *Khadar* yang bermaksud 'tanah yang sesuai untuk tanaman padi' (R. Braddell, 1980). Perkataan *Kidara* dalam bahasa Sanskrit juga mempunyai makna yang sama. Di samping itu, Kedah juga disebut sebagai *Kala* dalam bahasa Parsi yang bermakna 'kota'. Dirwayatkan bahawa Raja Kedah yang kedua telah membina sebuah kota di sebuah tempat yang bernama *Serokam*. *Serokam* dikaitkan dengan perkataan dalam bahasa Hindustan iaitu *Sara* yang bermaksud 'bangunan' dan *Kami* yang bermaksud 'urusan'.

### **Manuskrip Melayu**

Selain itu, kewujudan kerajaan Kedah juga dapat dirujuk melalui manuskrip Melayu atau sumber sastera klasik Melayu. Antaranya ialah *Hikayat Merong Mahawangsa* yang ditulis selepas tahun 1643 dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dalam tahun 1927.

Melalui sumber tempatan sendiri seperti Hikayat Merong Mahawangsa meriwayatkan bahawa asal usul kerajaan Kedah dikaitkan dengan negeri Rom (Abdullah Abdul Rahman, 2000). Menurut *Hikayat Merong Mahawangsa* lagi Raja Kedah yang pertama bernama Raja Merong Mahawangsa. *Hikayat Merong Mahawangsa* menyatakan bahawa nenek moyang raja-raja Kedah ialah seorang raja daripada keluarga raja Rom, bernama Raja Merong Mahawangsa. Setelah puteranya diberi isteri dan dilantik menjadi raja dengan gelaran Raja Mahapudisat, Raja Merong Mahawangsa berangkat pulang ke Rom. Ini dikatakan berlaku

setelah raja ini pasti bahawa putera raja Rom telah selamat berkahwin dengan puteri raja China. Raja Merong Mahapudisat mendapat tiga orang putera dan seorang puteri. Mengikut hikayat ini, putera yang pertama dan kedua membuka negeri Siam dan negeri Perak. Anak ketiga, seorang puteri, dihantar keluar membuka negeri Patani, sementara putera yang bongsu tinggal di Kedah dan menaiki takhta menggantikan ayahandanya setelah Raja Mahapudisat meninggal dunia (Siti Hawa Haji Salleh, 1998).

Sementara itu, berdasarkan kenyataan Muhamad Hassan yang berjudul *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kedah menerima rajanya yang pertama sekitar tahun 630 Masehi. Raja Kedah yang pertama bernama Maharaja Derbar Raja, iaitu seorang raja yang kehilangan takhta di Gumarun, sebuah kerajaan di Parsi. Baginda diganti oleh putera pertamanya yang bernama Tunku Muazzam (1179-1202). Sewaktu pemerintahan Sultan Muazzam Shah sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Muzafar Shah II (1547-1602 M), memperlihatkan Kesultanan Kedah lebih banyak menumpukan perhatian kepada soal perluasan wilayah pemerintahan.

### **Inskripsi**

Kajian oleh Nilakanta Sastri pada tahun 1949 terhadap empat inskripsi iaitu Inskripsi Kepingan Tembaga Nalanda Raja Devapala (949), Inskripsi Kepingan Besar Leiden, Inskripsi Tamil Rajendra I Chola dan Inskripsi Kepingan Kecil Leiden Kulottunga 1 (1090) memberi penjelasan mengenai hubungan Kedah dengan Srivijaya. Berdasarkan catatan Nilakanta Sastri itu, R.C. Majumdar berpendapat bahawa dinasti raja dari keturunan Sailendra memerintah di *Kataha* atau *Kidara*, kemudiannya telah menguasai Srivijaya (Nilakanta Sastri 1949). Pendapat ini adalah didasarkan atas sebab dalam Inskripsi Keping Besar Leiden, Raja Sailendra disebut sebagai raja *Kataha* lebih daripada enam kali. Tambahan pula, perkataan *Srivisayadhipati* diikuti oleh perkataan *Katahadhipatyam-atanvata* yang memberi maksud 'orang yang meluaskan kuasa takluk kerajaan *Kataha*'. Oleh hal demikian, R.C. Majumdar berpandangan bahawa 'jelaslah Raja Sailendra itu adalah pemerintah asal *Kataha*, dan meluaskan jajahan takluk ke atas Srivijaya (Nilakanta Sastri, 1949).

Namun demikian Nilakanta Sastri tidak bersetuju dengan pandangan R.C. Majumdar dan beliau mengemukakan empat sebab. Pandangan Nilakanta Sastri itu memang ada kebenarannya jika dilihat kepada isu asal usul Sailendra dan dilihat dalam konteks makna lain yang boleh diberi kepada perkataan *Srivisayadhipati* dan *Kataha-dhipatyam-atanvata* yang memberi maksud 'orang yang menjalankan pemerintahan di Kedah'. Berdasarkan kepada makna yang lain itu maka dapat diandaikan bahawa *Kataha* dan Srivijaya itu adalah sebuah kerajaan sahaja dalam pengetahuan pencipta Inskripsi Leiden itu. Keadaan itu tidaklah memeranjatkan kerana kerajaan Srivijaya mengikut sesetengah sumber dikatakan sebagai kerajaan kembar (Wolters, 1967). Raja yang memerintah di Srivijaya dan *Kataha* itu adalah berketurunan daripada dinasti Sailendra dari Jawa. Asal usul dinasti itu yang telah dibuktikan oleh beberapa orang sarjana setelah mengkaji Inskripsi Kalasan (778 Masehi), Inskripsi Keluruk (782 Masehi) dan Inskripsi Ligor (775 Masehi), adalah Jawa Tengah.

Konsep kerajaan kembar itu dapat dilihat sekali lagi apabila diteliti Inskripsi Tamil Rajendra I Chola (1025 Masehi). Mengikut catatan inskripsi itu, Raja Sangrama-Vijayottungavarman adalah raja Kadaram tetapi pusat pemerintahannya terletak di Srivijaya (Nilakanta Sastri, 1949). Inskripsi Rajendra I menceritakan tentang ekspedisi Rajendra I, Raja Chola untuk menyerang pelabuhan di Selat Melaka dan di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Adalah dipercayai bahawa serangan itu ditujukan kepada kerajaan di kawasan Selat Melaka dalam usaha untuk melemahkan kuasa monopoli perdagangan Srivijaya di Selat Melaka. Justeru itu Kedah dan Srivijaya adalah antara pelabuhan yang telah diserang oleh Raja Chola.

Walaupun serangan itu berlaku tetapi Rajendra I tidak menakluki secara langsung Srivijaya dan Kedah serta kerajaan lain. Mungkin serangan itu bertujuan menunjukkan kekuatannya kepada kerajaan Srivijaya dan Kedah serta kerajaan lain. Tidak diketahui apakah yang terjadi kepada Raja Sangraan-Vijayottungavarman selepas itu tetapi pada tahun 1028 Masehi raja Srivijaya ialah Sri Deva (Che-li-tie-houa) mengikut sumber China (Nilakanta Sastri, 1949). Pada tahun tersebut raja Srivijaya telah menghantar perutusan ke negeri China. Hubungan di antara Kedah dan Srivijaya pada tahun 1068 agak menarik. Ini adalah kerana Raja Chola bernama Virarajendra dikatakan telah menakluki *Kadaram* bagi pihak Raja Srivijaya yang telah meminta bantuan daripadanya. Ini bermakna hubungan di antara Srivijaya dan Chola baik selepas itu dan Kedah masih di bawah kuasa Srivijaya.

Inskripsi Keping Kecil Leiden yang dihasil pada zaman pemerintahan Raja Kulottunga 1, tahun 1090 mencatatkan bahawa Raja Kidarattarayan, pemerintah Kedah dan Srivijaya telah menghantar dua orang duta iaitu Rajavidyadhara dan Abhimanottunga menghadap Raja Kulotungga 1. Tujuannya ialah untuk mendapat anugerah geran tembaga sebagai tanda pemberian kemudahan dan hak istimewa kepada vihara yang dibina untuk raja Sailendra Maravijayottungvarman pada tahun 1006 Masehi di Negapatinam. Permintaan anugerah geran tembaga itu juga membolehkan raja Srivijaya menambah lagi vihara di kompleks vihara di Negapatinam itu. Hal itu mencerminkan hubungan baik yang wujud di antara Srivijaya, Kedah dengan Raja Chola pada akhir abad ke-2 Masehi.

Dalam hal ini juga, penulis Arab dan Parsi pernah menggambarkan kerajaan Srivijaya sebagai kerajaan kembar. Tetapi kerajaan kembar itu disebut sebagai Kedah dan Sribuza. Persoalannya ialah adakah *Kalah* itu *Kataha*, iaitu satu dalam sebutan Arab/ Parsi dan satu lagi dalam Sanskrit. Sarjana berbeza pendapat mengenai isu ini, namun kebanyakan daripada mereka bersetuju dengan pendapat bahawa lokasinya ialah di Semenanjung Tanah Melayu. Antara lokasi yang dicadang ialah Kedah, Segenting Kra, jajahan Mergui dan Takuapa. Daripada sumber Arab/Parsi, *Kalah* mungkin sebuah bandar, sebuah pulau, sebuah kerajaan atau sebuah kawasan. Nilakanta Sastri meletakkan lokasinya di Kedah.


## KEDAH BERDASARKAN SUMBER ARKEOLOGI

Selain catatan asing mengenai Kedah, maklumat berkaitan dengan sejarah awal negeri ini juga boleh didapati melalui penemuan arkeologi. Ini kerana arkeologi merupakan salah satu kaedah untuk mendapatkan sumber dalam penyelidikan dan penulisan sejarah. Dari segi konsep atau tafsiran, arkeologi merupakan satu pendekatan untuk mendapatkan bukti fizikal mengenai masyarakat silam yang sudah pupus bagi mengetahui sejarah dan budaya masyarakat tersebut. Tujuan utama penyelidikan arkeologi adalah untuk membina semula sejarah kebudayaan manusia, membina semula cara hidup manusia mengikut setiap zaman yang wujud dan mengkaji tentang proses perkembangan sesuatu budaya.

Berkaitan dengan penyelidikan arkeologi di negeri Kedah misalnya, Quaritch Wales yang banyak menjalankan kajian arkeologi di Kedah telah menjumpai tapak kota di Serokam (H.G.Q. Wales, 1976). Unsur India merekodkan perihal *kataha* nama Kedah Tua yang telah ditawan oleh Raja Chola dari India dalam kurun ke-11 Masehi (H.G.Q. Wales, 1976). *Kataha* diperintah oleh seorang yang bernama Sri Visaya. Seterusnya Kedah dikatakan pernah terletak di bawah kuasa Palembang diikuti dengan kuasa raja Chola dan kemudian kuasa Majapahit. *Syair Nagara Kertagama* (1365) menyebut nama 'Kedah' dan 'Langkasuka' sebagai kawasan yang dikuasai oleh Majapahit.

Sehingga akhir kurun ke-14 Masehi, Kedah masyhur sebagai pusat perdagangan bijih timah tetapi selepas kejatuhan Srivijaya dan kemerosotan kuasa Majapahit, Kedah jatuh pula di bawah kekuasaan Siam. Sementara itu Barbosa, iaitu seorang penulis Portugis yang menulis dalam tahun 1516 Masehi, menyatakan bahawa Kedah adalah pusat dagangan untuk pelbagai jenis barangan. Kedah menjadi tumpuan terutama oleh kapal Arab datang dari merata tempat untuk berdagang. Di Kedah terdapat banyak lada hitam yang dibawa keluar ke China melalui Melaka. Godinho De'Eredia, ahli kartografi Portugis yang menulis di antara tahun 1597-1600 memberi gambaran mengenai pelabuhan di Kedah yang katanya dipenuhi dengan bangunan yang dibuat daripada nibong.

Melalui penemuan arkeologi menunjukkan bahawa Kedah menerima pengaruh agama Buddha. Andaian ini didasarkan kepada jumpaan tidak sengaja oleh Kolonel James Low iaitu seorang penguasa di Seberang Perai pada tahun 1840an yang menjumpai runtuh struktur yang dijangka sebagai candi dan inskripsi batu bersurat Buddhagupta di Cherok Tok Kun di Seberang Perai. Inskripsi ini dihantar ke Calcutta dan menurut sebuah laporan lisan, inskripsi ini masih wujud. Inskripsi ini dipahat di permukaan sebuah bongkahan batu dan terukir sebuah stupa yang bertiraikan tujuh patung. Inskripsi yang ditulis pada abad ke-4 Masehi dalam bahasa Sanskrit ini menyebut bahawa ia dihasilkan untuk memperingati satu pelayaran yang berjaya dilakukan oleh seorang nakhoda bernama Buddha-gupta (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2008). Penemuan kedua berhubung dengan peninggalan Hindu-Buddha dilaporkan oleh dua orang petugas ukur yang bertugas di puncak Gunung Jerai. Jumpaan tidak sengaja ini diduga sebagai struktur candi (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2008). Di dalam tahun 1921, I.H.N. Evans telah menjalankan kajian di Sungai Batu dan hasilnya beliau telah menemui patung Durga Devi bersama arca Durga Mahisasuramardhini. Pada tahun 1923, sekali lagi beliau melawat Sungai Batu dan menjumpai arca Ganesha dan banyak lagi bahan arkeologi telah ditemui pada tahun-tahun selepasnya (I.H.N. Evans, 1927).



**Foto 1** Penemuan Inskripsi di Kedah  
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah

Berdasarkan penemuan tersebut, James Low dan I. H.N. Evans berpendapat artifak dan monumen yang dijumpai di Kedah itu mempunyai unsur India, dan orang Hindu dan Buddha datang ke rantau ini dalam bentuk penjajah (Adi Taha & Othman Yatim, 1981). I.H.N. Evans juga berpendapat masyarakat yang bertanggungjawab terhadap pembinaan candi di Sungai Batu adalah terdiri daripada pedagang dan buruh yang berasal dari India dan bukannya masyarakat tempatan (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2008). Andaian juga dibuat bahawa masyarakat di Sungai Batu mengamalkan pemujaan dewa Siva berdasarkan artifak yang ditemui seperti kepala Nandi yang telah pecah (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2008). Penemuan di Sungai Batu juga membuatkan James Low dan I. H.N. Evans berpandangan bahawa Langkasuka terletak di selatan Kedah, dan James Low lebih tepat mengatakan Langkasuka terletak di Bukit Meriam manakala I.H.N. Evans meletakkannya di Sungai Batu, malah menekankan bahawa kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang mempunyai pengaruh yang kuat di Kedah (Adi Taha & Othman Yatim, 1981).

Sementara itu, Alastair Lamb pada tahun 1961 telah mengeluarkan satu pendapat berhubung dengan kewujudan entreport pra-Melaka di pantai barat Selat Melaka (Alastair Lamb, 1961). Berdasarkan kepada kajian arkeologi di Pengkalan Bujang dan di Takuapa (Selatan Thailand), beliau beranggapan bahawa Takuapa dan Pengkalan Bujang mempunyai pelabuhan yang boleh diiktiraf sebagai entreport pra-Melaka. Mengikut beliau lagi, Takuapa adalah lebih tua daripada Pengkalan Bujang. Sekiranya Takuapa merupakan pelabuhan di zaman Dinasti Tang, maka Pengkalan Bujang adalah entreport di zaman dinasti-dinasti Song dan Yuan. Namun hasil penemuan arkeologi terkini, dipercayai bahawa *Kalah* ini sebenarnya adalah di Lembah Bujang. Sebelum ini sarjana Barat termasuk Alastair Lamb hanya menumpukan penyelidikan mereka di kawasan Pengkalan Bujang dan Merbok. Penemuan tapak arkeologi Kampung Sungai Mas telah memberikan data terkini di mana kawasan ini diasaskan lebih awal dari kawasan Pengkalan Bujang. Penemuan artifak di Kampung Sungai Mas adalah hampir sama dengan kawasan Takuapa maka boleh dikatakan bahawa *Kalah* itu sebenarnya ialah Sungai Mas dan bukannya Takuapa.

Dari tahun 1936 hingga 1937, penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang dilakukan Quaritch-Wales bersama isterinya Dorothy-Wales dari tahun 1936 hingga 1937. Penyelidikan ini telah dibiayai oleh *Greater India Research Committee* yang berpusat di Calcutta, India. Tujuan penyelidikan yang dijalankan oleh Wales adalah untuk melihat sejauh mana pengaruh India yang dibawa oleh orang-orang India ke utara Semenanjung berdasarkan bukti arkeologi di Lembah Bujang. Lembah Bujang atau Kedah dipilih berdasarkan kedudukan ilmu alamnya yang terletak di tengah-tengah antara India dan China. Hasil kajian menunjukkan bahawa Lembah Bujang dijadikan sebagai tumpuan penyebaran Hindu-Buddha dan kawasan tumpuan pedagang. Wales telah mengemukakan hipotesis mengenai tahap penjajahan dari India ke rantau ini. Beliau telah membuat empat tahap perkembangan tersebut, iaitu:

- a. Arus pertama merangkumi jangka masa di antara kurun pertama hingga kurun ketiga berdasarkan kepada manik yang dipercayai dari Rom dan juga berdasarkan kepada beberapa serpihan tembikar yang dijumpai di Johor Lama. Tidak ada bukti yang dijumpai di Lembah Bujang.
- b. Arus kedua bermula kira-kira 300 Masehi hingga 550 Masehi berdasarkan kepada batu bertulis dan tapak 1 hingga 3, dan merupakan tahap yang pertama untuk Lembah Bujang. Masyarakat adalah beragama Hindu dan kerajaan di bawah pengaruh Funan. Terdapat tapak-tapak lain di Lembah Kinta.
- c. Arus ketiga menunjukkan terdapat perubahan kebudayaan yang berlaku di antara tahun 550 hingga 750 Masehi, dan Kedah adalah di bawah penjajahan Hindu Pallava, dan pengaruh ini mula menjalar ke pantai timur Semenanjung. Ia dilambangkan oleh Tapak 4 hingga Tapak 9 di Lembah Bujang yang dianggap sebagai kuil Siva.
- d. Arus keempat di antara 750 hingga 900 Masehi menunjukkan kewujudan kepercayaan Buddhisma dari Selatan India yang mempunyai unsur Pala Mahayana.

(Adi Taha & Othman Yatim 1981)

Selain dari Wales, Paul Wheatley juga tidak ketinggalan mengemukakan periodisasinya berhubung dengan perkembangan sejarah yang dilalui oleh Lembah Bujang (Paul Wheatley, 1959). Menurut Paul Wheatley sejarah Kedah bermula ketika Gunung Jerai, Bukit Penjara dan Bukit Batu Lintang masih lagi merupakan pulau di mana pedagang dari India mempunyai hubungan dengan masyarakat tempatan (Paul Wheatley, 1959). Kira-kira kurun ke-5 Masehi agama Buddha sudah bertapak di Lembah Bujang. Pada masa tersebut, hubungan dengan India sudah erat terjalin, tetapi tiga kurun kemudian agama Buddha telah diresapi oleh unsur Saivism di Kedah, dan penempatan tertumpu di kawasan tengah Sungai Bujang (Paul Wheatley, 1959). Bentuk candi yang menghala ke timur menunjukkan amalan *linga* dalam kalangan masyarakat Hindu di Kedah.



**Foto 2** Arca Buddha, Lembah Bujang, Kedah  
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah

Menurut Paul Wheatley lagi, antara kurun ke-9 dan ke-9 Masehi, unsur Mahayana kembali bertapak di Kedah (Paul Wheatley, 1959). Pedagang Arab dan China telah mengambil bahagian di dalam perdagangan di rantau ini pada ketika itu. Dalam abad ke-10 Masehi, masyarakat di Lembah Bujang kembali mengamalkan agama Hindu, dan kawasan penempatan yang baharu dibuka di sekitar Sungai Muda. Menurut Paul Wheatley lagi, Kedah lumpuh selepas serangan yang dilancarkan oleh Raja Chola, Rajendra I dalam tahun 1025-1030 dengan menyatakan:

*“Precisely when this decline set in is difficult to say but it may well date from the great raid of Rajendra I, when Kedah, as one of the twin foci of the empire, was selected as a major abjective. Srivijaya apparently recovered from this reversed after a few years but Kedah seems never to have recaptured its lost prestige”.*

(Paul Wheatley, 1959)



Dalam tahun 1958-1962, Alastair Lamb telah melakukan galicari di Tapak 8 (Candi Bukit Batu Pahat), Tapak 31 di Permatang Pasir dan kawasan di Pengkalan Bujang (Alastair Lamb, 1961). Dari segi seni bina candi, tradisi candi dengan tapak lubang tiang, cepu batu berlubang sembilan serta dengan kandungannya, Alastair Lamb berpendapat bahawa fungsi dan tradisi pembinaan candi ini adalah lebih dekat kepada tradisi yang berkembang di Asia Tenggara daripada tradisi yang berkembang di India yang berkembang mengikut empat gelombang sepertimana yang dijangkakan oleh Quaritch-Wales. Alastair Lamb juga menolak pendapat Quaritch-Wales bahawa Candi Bukit Batu Pahat dibina oleh pendatang India pada zaman Pallava (Leong Sau Heng 1980). Penolakan Alastair Lamb terhadap pandangan Quaritch-Wales semakin jelas alasannya berikutan dengan kajian yang dibuat secara saintifik oleh F.E. Treloar ke atas bahan *mercury* yang terdapat di Candi Bukit Batu Pahat. F.E Treloar berpendapat bahawa Candi Bukit Batu Pahat dibina seawal-awalnya di antara abad ke-11 dan ke-12 Masehi (F.E. Treloar & G.J. Fabris 1975).


Dengan menganalisis keterangan yang terdapat dalam masa penyelidikannya di Lembah Bujang serta digabungkan dengan hasil galicari di Pengkalan Bujang, Alastair Lamb telah mengemukakan alternatif pembahagian perkembangan kebudayaan dan tamadun di Lembah Bujang dan kawasan sekitarnya kepada empat peringkat, iaitu:

- a. Fasa Buddhisme yang awal dibuktikan oleh tiga inskripsi yang dijumpai oleh James Low dan Quaritch-Wales yang mempunyai kaedah *ye dharma* yang dikatakan dibuat atas arahan Buddhagupta bagi menjamin keselamatan pelayaran. Ketiga-tiga inskripsi ini mempunyai teks yang sama dan diberi tarikh keempat atau kelima Masehi.
- b. Fasa Srivijaya yang dibuktikan oleh jumpaan seperti arca gangsa yang serupa dengan yang dijumpai di Sambas, Kalimantan, Indonesia termasuk juga tapak 16 dan 16a. Tumpuan aktiviti perdagangan masih di Takuapa, Thailand. Masyarakat mengamalkan Buddhisme Mahayana, kadang-kadang mempunyai unsur tantrik, termasuk juga penempatan di Perak yang mempunyai kepercayaan yang sama dan diberi tarikh di antara kurun ketujuh dan kesembilan
- c. Fasa Pengkalan Bujang yang tidak mungkin wujud lebih awal dari kurun kesebelas Masehi, dan melambangkan kejatuhan pusat perdagangan di Takuapa. Fasa ini memperlihatkan perkembangan Lembah Bujang dan juga pertumbuhan kawasan penempatan di sekitar Sungai Bujang dan Merbok, Batu Lintang dan Tikam Batu. Kemerosotan perdagangan di Lembah Bujang tidak lewat dari kurun keempat belas kerana tidak terdapat jumpaan seramik jenis biru dan putih. Penemuan yang digolongkan di fasa ini menolak pendapat Paul Wheatley mengenai tarikh kejatuhan Lembah Bujang kerana menurut Alastair Lamb, Lembah Bujang mula meningkat setelah serangan yang dilancarkan oleh Raja Chola. Fasa ini menampakkan peranannya sebagai pusat yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan dunia luar.
- d. Fasa Kuala Muda berkembang setelah Lembah Bujang mencapai kemuncaknya dan dicirikan oleh seramik jenis Ming biru dan putih. Pada ketika ini adalah dipercayai bahawa Sungai Muda sudah mengubah haluan, dan perkara ini pernah juga dicatat di dalam Hikayat Merong *Mahawangsa*.

(Adi Taha & Othman Yatim, 1981)

Sementara itu, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman di dalam kajiannya telah menghuraikan lagi teori Alastair Lamb. Kajian yang dijalankan oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman memberi satu kesimpulan bahawa kerajaan Kedah khususnya merujuk kepada pelabuhan Lembah Bujang dikatakan melalui dua tahap perkembangan iaitu tahap pertama bermula sejak abad ke-5 atau ke-6 Masehi hingga abad ke-10 dikenali sebagai tahap Sungai Mas, dan tahap kedua selepas abad ke-11 hingga ke-14 Masehi dikenali sebagai tahap Pengkalan Bujang.

Menurut Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, masyarakat di Kedah membuat perhubungan dengan India sejak kurun ke-5 atau ke-6 Masehi (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2002). Justeru itu, hasil daripada hubungan tersebut, agama Buddha berkembang pesat di Sungai Mas (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Othman Mohd Yatim, 1992). Bukti arkeologi yang digunakan untuk menyokong hujah ini adalah penemuan arca Buddha dari tapak 16A, pecahan arca kepala Buddha, arca Hariti dan tinggalan candi Buddha. Fasa Buddha tersebut dikatakan berlarutan dari kurun ke-5 hingga ke-10 Masehi dengan Sungai Mas sebagai pusat pelabuhannya (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2002).



**Rajah 1** Perkembangan kerajaan (Pelabuhan Lembah Bujang)

Berdasarkan kepada jumpaan arkeologi, dapat dirumuskan bahawa semasa fasa awal perkembangan Kedah Tua sebagai sebuah pusat entreport, Sungai Mas dianggap sebagai pusat kerajaan terawal di Kedah Tua.



**Foto 3** Ukiran Batu Terakota Buddha Bersila, Tapak 21/22, Pengkalan Bujang, Lembah Bujang (Terracotta)  
*Sumber:* Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah

Pada kurun ke-10 hingga ke-13 Masehi, dikatakan bahawa pusat perdagangan Kedah Tua beralih ke Pengkalan Bujang sekitar kawasan Sungai Bujang iaitu salah satu cabang ke utara Sungai Merbok. Pada ketika itu, penduduk Kedah Tua mengamalkan agama Hindu-Saivism.

Walau bagaimanapun peranan Pengkalan Bujang mulai merosot pada kurun ke-13 Masehi dengan kedatangan agama Islam. Pandangan ini dibuat berdasarkan kepada penemuan yang wujud di sekitar kawasan Sungai Bujang, Sungai Batu, Kampung Pendi dan kawasan sekitarnya. Penemuan tersebut terdiri daripada candi Hindu-Buddha, longgokan seramik, arca dan manik. Dalam fasa ini, dikatakan agama Hindu-Siva adalah dominan.



**Foto 4** Arca Ganesha, Pengkalan Bujang  
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah

<p style="text-align: center;"><b>Peringkat Agama Buddha</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermula sejak kurun ke-5 atau ke-6 Masehi</li> <li>• berlarutan dari kurun ke-5 hingga ke-10 Masehi dengan Sungai Mas sebagai pusat pelabuhannya (dianggap sebagai Kedah Tua)</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>Peringkat Agama Hindu-Siva</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Abad ke-10 hingga ke-13 Masehi pusat perdagangan Kedah Tua beralih ke Pengkalan Bujang sekitar kawasan Sungai Bujang iaitu salah satu cabang ke utara Sungai Merbok</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>Kemunculan Agama Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Abad ke-13 Masehi bermula kedatangan agama Islam</li> <li>• Peranan Pengkalan Bujang mulai merosot</li> </ul>

**Rajah 2** Peringkat atau tahap kemunculan agama di Kedah

## KESIMPULAN

Sejarah negeri Kedah dirakam dalam pelbagai bentuk atau sumber. Ia boleh dilihat dalam bentuk catatan asing, catatan tempatan atau tinggalan arkeologi. Bukan setakat itu sahaja, kerajaan Kedah juga sememangnya menerima pelbagai kebudayaan dan pengaruh agama dari luar. Bermula dengan masyarakat awal yang menganut dan mengamalkan agama animisme sebagai agama asas bagi tamadun manusia sehinggalah penerimaan agama dari luar terutama dari India. Penerimaan pengaruh agama ini bertitik tolak dengan kemunculan negeri Kedah itu sendiri sebagai sebuah pusat pelabuhan penting di rantau ini.

Kemunculan Sungai Mas sebagai pelabuhan terawal di Lembah Bujang menjadikan masyarakat ketika itu mengamalkan kebudayaan Buddha sekitar abad ke-5 hingga abad ke-10 Masehi. Kemudian apabila pusat pelabuhan dari Sungai Mas telah berpindah ke sekitar Pengkalan Bujang dalam abad ke-10

hingga ke-13 Masehi, kegiatan agama atau kepercayaan turut berubah dari kebudayaan Buddha kepada kebudayaan Hindu aliran Siva sehinggalah dengan kedatangan Islam.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Abdullah. (2000). *Sejarah dan tamadun Asia Tenggara: sebelum dan sesudah pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Zakaria Ghazali dan Mardiana Nordin. (2012). *Kedah: warisan dan sejarah*. Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Adi Haji Taha & Othman Mohd Yatim. (1981). 'Sejarah awal negeri Kedah berdasarkan penemuan bahan-bahan arkeologi', Kertas Kerja Konvensyen Sejarah Negeri Kedah, 28 Nov-1 Dis. Wisma Negeri, Alor Setar.
- Ahmad Jelani Halimi. (2006). *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka: abad ke-15 hingga ke-18*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braddell, R. (1950). 'Notes on ancient times in Malaya'. *JMBRAS*, Part 7, Vol. 23.
- Braddell, R. (1980). *A study of ancient times in the Malay Peninsula and Straits of Malacca*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Evans, I.H.N. (1927). *Papers on ethnology and archaeology of the Malay Peninsula*. Cambridge: University Press.
- Evans, I.H.N. (1928). 'On ancient remain from Kuala Selingsing, Perak', *JMBRAS* XIII.
- H.G.Q. Wales, H.G.Q. (1976). *The Malay Peninsula in Hindu Times*. London: Benard Quaritch, London.
- Ibrahim Ismail. (1987). *Sejarah Kedah sepintas lalu*. Kedah: Jawatankuasa Penerbitan Univeristi Utara Malaysia.
- Lamb, A. (1961). 'The bases of glass vessels from Kedah and Takuapa Compared'. *FMJ*. VI.
- Lamb, A. (1961). 'Pengkalan Bujang: an ancient port in Kedah', *Malaysia in history*, Vol. 7. No. 1.
- Lamb, A. (1966). 'Old Middle Eastern glass in the Malay Peninsula', *Essays offeres to G.H. Luce* Vol. II (MCMLXVI).
- Lamb, A. (1980). 'Pengkalan Bujang: an ancient port in Kedah'. Dlm. *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Leong Sau Heng. (1980). *Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Kamaruddin Zakaria. (1993). 'Recent archaeological discoveries in Sungai Mas, Kuala Muda, Kedah'. *JMBRAS*, Vol. LXVI, Part 2, No. 265.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim. (1992). *Warisan Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (1988). 'Isu-isu arkeologi dan seni purba Lembah Bujang Abad 5-14 Masihi' Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, et. al (edit), *Sumbangsih Kumpulan Esei Sejarah*. Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (1999). 'Kerajaan Melayu Tua di utara Semenanjung'. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2002). 'Temuan artifak dari Lembah Bujang abad 5-13 Masihi dan hubungannya dengan temuan-temuan arkeologi dari tapak Barus Raya'. Dlm. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil 15.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2008). *Lembah Bujang dari perspektif arkeologi dan pelancongan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (UKM).
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2011). *Kerajaan awal dan lokasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Nilakanta Sastri. (1949). *The history of Srivijaya*. India: University of Madras.
- Othman Mohd Yatim. (1981). 'Tembikar perdagangan (Trade Ceramics) yang dijumpai di Negeri Kedah dan kepentingannya dari segi sejarah awal Negeri Kedah' Kertas Kerja Konvensyen Sejarah Negeri Kedah, 28 November-1 Disember, Alor Setar, Kedah.
- Roland Braddell. (1980). 'Most ancient Kedah' Dlm. *Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Supian Sabtu. (2006). 'Data arkeologi dan sumbangannya sebagai data sejarah: satu tinjauan terhadap kronologi zaman'. *Sejarah, sumber dan pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Treloar, F.E. & Fabris, G.J. (1975). 'Evidence for the contemporary existence of two Kedah sites'. *JMBRAS*, Vol. XLVIII.
- Wheatley, P. (1959). 'Geographical notes on some commodities involved in Sung maritime trade'. *JMBRAS*, Vol. 32, Part 2.
- Wheatley, P. (1961). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Wilkinson, R.J. (1937). 'Further notes upon a study of ancient times in the Malay Peninsula'. *JMBRAS*. Vol. 15, pt.2.
- Wolters, O.W. (1967). *Early Indonesian commerce: a study of the origins of Srivijaya*. New York: Cornell University Press.
- Zakiah Harun. (1989). *Asal-usul negeri-negeri di Malaysia*. Singapore: Times Books International.